

**SURAT RAJA-RAJA DAN SURAT UNDANG-
UNDANG: CERMINAN SOSIOEKONOMI ORANG
MELAYU KEDAH SEHINGGA AWAL KURUN KE-20**

HASLINDAWATI BINTI SAARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**SURAT RAJA-RAJA DAN SURAT UNDANG-
UNDANG: CERMINAN SOSIOEKONOMI ORANG
MELAYU KEDAH SEHINGGA AWAL KURUN KE-20**

oleh

HASLINDAWATI BINTI SAARI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih Alhamdulillah, penulis bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya penulisan tesis dapat disempurnakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah ini. Sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini dijalankan, penulis telah mendapat kerjasama, bantuan kewangan, galakan, bimbingan dan nasihat daripada pelbagai pihak. Tanpa jasa baik mereka, tesis ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan lancar. Sehubungan dengan itu, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Budi baik mereka akan dikenang selama-lamanya.

Seterusnya, penulis dengan rasa hormat dan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia utama iaitu Dr. Azmah binti Abdul Manaf yang telah banyak meluangkan masa dan tenaga untuk memberi bimbingan dan nasihat yang tidak ternilai kepada penulis. Ucapan ini juga ditujukan kepada Dr. Norizan binti Abd. Kadir selaku penyelia kedua kerana banyak memberi panduan dan tunjuk ajar kepada penulis bagi menjayakan penghasilan tesis ini. Tanpa sokongan dan bantuan daripada kedua-dua insan ini, tesis sejarah ini tidak dapat disiapkan dengan sebaiknya.

Selain itu, penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah bahagian Sejarah dan kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, pihak Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut I dan Hamzah Sendut II, kakitangan Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis, kakitangan Muzium Negeri Kedah, kakitangan Perpustakaan Sultanah Haminah, IPGKSAH serta kakitangan Perbadanan

Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Perpustakaan Awam Sungai Petani kerana memberi kerjasama yang baik kepada penulis semasa penyelidikan tesis ini dijalankan. Tidak ketinggalan, penghargaan dihulurkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas bantuan kewangan dan sokongan yang diberikan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Ustaz Wan Abdul Rahman bin Wan Abdul Kadir, individu yang banyak menyumbang masa dan ilmu kepada penulis sepanjang melakukan proses transliterasi Surat Undang-undang yang masih bertulisan Jawi. Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat Profesor Datin Dr. Mahani binti Musa atas kesudian memberi maklumat dan maklum balas terhadap setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh penulis. Terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan yang tidak jemu berkongsi idea dan pengalaman. Antaranya ialah En. Kasturi Nor Abd. Aziz, Dr. Mohd Firdaus Abdullah, En. Zakaria Saad dan ramai lagi. Keterlibatan anda bersama-sama dengan penulis akan dikenang hingga ke akhir hayat.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada suami tersayang iaitu Mohd. Ariff bin Said serta anak-anak, Nur Nazihah dan Mohamad Nazrin yang dikasihi. Akhir sekali, kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membantu dan memudahkan urusan menyiapkan penyelidikan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih. Semoga jasa baik kalian akan memperoleh ganjaran di sisi Allah SWT.

Terima kasih.

HASLINDAWATI BINTI SAARI

Universiti Sains Malaysia

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN.....	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT.....	xiii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan Kajian.....	1
1.2 Latar Belakang Politik dan Pentadbiran Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19.....	9
1.3 Sistem Ekonomi Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19	16
1.4 Sosiobudaya Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19.....	22
1.5 Tinjauan Literatur.....	27
1.6 Permasalahan Kajian	36
1.7 Persoalan Kajian.....	37
1.8 Objektif Kajian	38
1.9 Skop Kajian	39
1.10 Metodologi Kajian.....	41
1.11 Kepentingan Kajian.....	43
1.12 Pembahagian Bab.....	44
BAB 2 SURAT RAJA-RAJA DAN SURAT UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH SEBAGAI SUMBER SEJARAH	48
2.1 Pengenalan	48
2.2 Sejarah Pengumpulan <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	49

2.3	Struktur <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	54
2.3.1	Kandungan surat kiriman.....	56
2.3.2	Pentarikhan	63
2.3.3	Kategori surat	66
2.3.4	Gaya penulisan	80
2.4	<i>SRR</i> dan <i>SUU</i> sebagai Sumber Sejarah Kedah.....	88
2.4.1	Sistem Politik, Pentadbiran dan Perundangan Kedah Berdasarkan <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	89
2.4.2	Masyarakat Kedah dari Aspek Kependudukan	105
2.4.3	Ekonomi Rakyat Kedah dalam <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	109
2.4.4	Permasalahan Sosial dalam <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	115
2.5	Kesimpulan.....	120
BAB 3 PEMILIKAN DAN ISU TANAH.....		123
3.1	Pengenalan	123
3.2	Sistem Pentadbiran dan Perundangan Tanah Kedah.....	125
3.2.1	Sistem pentadbiran, perundangan dan pemilikan tanah di Kedah berdasarkan <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	134
3.2.2	Pemilikan tanah dan permasalahan orang Melayu Kedah.....	153
3.3	Hutang dan Tanah dalam kalangan Orang Melayu Berdasarkan <i>SRR</i> dan <i>SUU</i>	165
3.4	Kesimpulan.....	178
BAB 4 JENAYAH DAN MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KEDAH		181
4.1	Pengenalan	181
4.2	Pentadbiran dan Perundangan Jenayah Kedah.....	185
4.3	Sistem Kehakiman dan Peruntukan Hukuman.....	202
4.4	Masalah Jenayah dalam kalangan Orang-orang Melayu Kedah	217
4.4.1	Jenayah mencuri	222
4.4.2	Kegiatan menyamun	234

4.4.3	Jenayah penipuan.....	238
4.4.4	Jenayah pembunuhan.....	242
4.4.5	Jenayah rompakan berkumpulan	244
4.4.6	Jenayah melarikan perempuan.....	246
4.4.7	Pergaduhan dan kegiatan kongsi gelap.....	248
4.4.8	Masalah sosial.....	252
4.5	Kesimpulan.....	258
BAB 5	KESIMPULAN.....	261
	BIBLIOGRAFI.....	271
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Isu dan permasalahan berdasarkan klasifikasi tanah, 1882-1909... 161
Jadual 4.1	Pelantikan hakim bagi setiap mahkamah di Kedah, 1882-1909.....203
Jadual 4.2	Perbandingan jenayah kecurian kerbau lembu antara Kedah Utara dengan Kedah Selatan, 1906-1913230

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1	Stratifikasi sosial dalam aspek pentadbiran tanah di Kedah, 1882-1905..... 135
Rajah 3.2	Stratifikasi sosial dalam aspek pentadbiran tanah di Kedah, 1905-1909..... 137

SENARAI SINGKATAN

<i>A.H</i>	<i>Anno Hijrah/ Tahun HIjrah/ Kalendar Islam</i>
<i>CO</i>	<i>Colonial Office</i>
<i>H</i>	<i>Hijrah</i>
<i>JMBRAS</i>	<i>Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society</i>
<i>JSBRAS</i>	<i>Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society</i>
<i>JSTOR</i>	<i>Journal Storage</i>
<i>KAR</i>	<i>Kedah Annual Report</i>
<i>M</i>	<i>Masihi</i>
<i>MBRAS</i>	<i>Malaysian Branch of Royal Asiatic Society</i>
<i>MMN</i>	<i>Majlis Mesyuarat Negeri</i>
<i>NNMB</i>	<i>Negeri-negeri Melayu Bersekutu</i>
<i>NNMU</i>	<i>Negeri-negeri Melayu Utara</i>
<i>NNS</i>	<i>Negeri-negeri Selat</i>
<i>SMSAH</i>	<i>Surat Menyuarat Sultan Abdul Hamid</i>
<i>SRR</i>	<i>Surat Raja-Raja</i>
<i>SUK/K</i>	<i>Setiausaha Kerajaan Kedah</i>
<i>SUU</i>	<i>Surat Undang-Undang</i>
<i>T.H</i>	<i>Tahun Hijrah</i>
<i>T.M</i>	<i>Tahun Masihi</i>

Nota: Penggunaan *inverted commas* ('.....') untuk menekan perkataan atau frasa tertentu manakala *quotation marks* (".....") untuk petikan secara langsung dalam sumber rujukan.

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1 Contoh salinan Surat Raja-Raja (*SRR*)
- LAMPIRAN 2 Contoh salinan Surat Undang-Undang (*SUU*)
- LAMPIRAN 3 Kandungan surat dalam koleksi Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888 No. 1 (versi rumi) yang mencatatkan aktiviti kerahan terhadap orang-orang Melayu
- LAMPIRAN 4 Kandungan surat yang mencatatkan masalah hutang dalam kalangan terhadap orang-orang Melayu
- LAMPIRAN 5 Catatan surat yang mencatatkan kes mencuri (95/25), hukuman denda terhadap penghulu yang terlibat dalam aktiviti jenayah (96/25) dan kes sewaan tanah (97/25)
- LAMPIRAN 6 Kandungan surat yang mencatatkan tuntutan terhadap tanah yang telah digadaikan (100/25)
- LAMPIRAN 7 Geran Tanah Tahun 1218 A.H.
- LAMPIRAN 8 Surat Putus Tahun 1216 A.H.

**SURAT RAJA-RAJA DAN SURAT UNDANG-UNDANG: CERMINAN
SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU KEDAH SEHINGGA AWAL KURUN**

KE-20

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan Surat Raja-Raja (*SRR*) dan Surat Undang-Undang (*SUU*) kepada pensejarahan sosioekonomi orang Melayu Kedah pada penghujung kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. *SRR* dan *SUU* merupakan rekod bertulis mengenai pentadbiran dan perundangan Kedah bawah pemerintahan kesultanan Melayu yang dinaungi kuasa asing iaitu Siam, kemudiannya British. Objektif kajian adalah untuk menilai kepentingan *SRR* dan *SUU* sebagai cerminan sosioekonomi orang-orang Melayu Kedah pada penghujung kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Selain itu, kajian ini membincangkan isu-isu tanah dan permasalahan hutang dalam kalangan orang-orang Melayu akibat daripada perubahan dalam pentadbiran dan perundangan negeri. Berdasarkan *SRR* dan *SUU*, kajian ini menganalisis kegiatan jenayah dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah akibat ketidakseimbangan ekonomi di Kedah. Penyelidikan kajian ini menggunakan kaedah sejarah yang merujuk kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan tematik dalam penulisan bab. Melalui kaedah kualitatif, *SRR* dan *SUU* dijadikan sebagai sumber khusus kajian dalam aspek membincangkan sosioekonomi orang Melayu Kedah sehingga awal kurun ke-20. Kajian terhadap aspek ekonomi melalui isu tanah dan masalah hutang dalam kalangan orang Melayu diperhalusi berdasarkan *SRR* dan *SUU*. Dalam tempoh kajian, maklumat menunjukkan tanah menjadi sumber ekonomi yang sangat penting di Kedah. Penubuhan pejabat tanah

membuktikan usaha daripada pemerintah untuk menguruskan hal ehwal tanah dengan lebih sistematik. Perubahan dalam pentadbiran dan pengenalan undang-undang tanah baharu telah mempercepat perkembangan ekonomi dan penggunaan tanah secara giat di Kedah. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi lebih menguntungkan golongan pemodal dan pihak elit berbanding dengan orang-orang Melayu yang kehidupan mereka bergantung terhadap pertanian padi. Masalah hutang menyebabkan orang-orang Melayu kehilangan tanah sebagai punca rezeki mereka. Berdasarkan *SRR* dan *SUU*, kandungan dokumen membuktikan bahawa terdapat usaha daripada orang-orang Melayu untuk mempertahankan tanah mereka melalui saluran rasmi kerajaan iaitu mahkamah dan Majlis Mesyuarat Negeri. Pengabaian dan usaha yang tidak bersungguh-sungguh daripada kerajaan Kedah untuk menambah baik sosioekonomi orang-orang Melayu menyebabkan kehidupan kaum ini bertambah rumit. Desakan hidup menyebabkan sebilangan orang Melayu terpaksa memilih untuk melakukan jenayah dan melibatkan diri dengan pelbagai masalah sosial bagi menampung kehidupan mereka. Hasil kajian mendapati *SRR* dan *SUU* merupakan dokumen yang dapat memberi maklumat penting berkaitan sosioekonomi orang-orang Melayu Kedah pada penghujung kurun ke-19 hingga awal abad ke-20.

**KING'S LETTER AND LETTERS OF LAW: REFLECTIONS OF
SOCIOECONOMIC LIFE OF THE MALAYS IN KEDAH DURING EARLY
20TH CENTURY**

ABSTRACT

This study aims to analyse the importance of *King's Letter (SRR)* and *Letters of Law (SUU)* to the socioeconomic historiography of the Kedah Malays at the end of the 19th century until the early 20th century. *SRR* and *SUU* are written records on the administration and legislation in Kedah during the reign of the Malay Sultanate which were first under the fiefdom of Siam and later colonised by the British. The objective of this study is to evaluate the importance of *SRR* and *SUU* as a portrayal of the socioeconomics of Kedah Malays at the end of the 19th century until the early 20th century. Furthermore, the study also discusses issues on land and debt problems among the Malays as a result of changes in the state's administration and legislation. Also, based on the *SRR* and *SUU*, this study has analysed the criminal activities and social issues among the Kedah Malays resulting from the economic disparity in Kedah. Research for this study uses a qualitative method, employing the use of thematic approach in the writing of its chapters. Using a qualitative method, the *SRR* and *SUU* are the main sources of this study in discussing the socioeconomics of Kedah Malays until the early 20th century. Study on the economic aspects involving land issues and debt problems among the Malays were refined based on the *SRR* and *SUU*. Information obtained in this study suggest that land have become a vital source of economy in Kedah. The establishment of land administration offices proves the rulers worked to manage land-related affairs more systematically. Moreover, changes in the

administration and the introduction of laws for new lands have spurred the economic growth and the utilisation of land in Kedah. It is also clear that the financiers and elites profited more from the economic growth compared to the Malays whose livelihood depend on rice farming. Debt problems were the reason behind the Malays losing their land as their source of income. Evidence have also been found in the *SRR* and *SUU* that prove there were efforts from the Malays to defend their land through official government channels which include the courts and state assembly council. Due to the neglect and lackadaisical effort to improve the socioeconomic status of the Malays by the Kedah government, the lives of the Malays became more difficult. In the end, the difficulties forced some of the Malays to resort to committing crime and being involved in a myriad of social problems to make ends meet. The result of this study finds that the *SRR* and *SUU* to be documents that may provide crucial information regarding the socioeconomics of the Kedah Malays at the end of the 19th century until the early 20th century.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan Kajian

Pensejarahan Melayu tradisional banyak bergantung kepada manuskrip-manuskrip lama yang ditulis selepas beberapa ratus tahun daripada tarikh peristiwa yang diceritakan. Sebagai contoh, *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang menjadi sumber sejarah kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan Johor ditulis 320 tahun selepas kejatuhan Melaka. Biarpun manuskrip ini bercampur dengan unsur-unsur mitos namun ia tetap menjadi sumber sejarah utama kerajaan Melayu lama. Hikayat Merong Mahawangsa yang dikaitkan dengan sejarah tradisional Kedah juga ditulis bukan semasa kejadian sejarah yang berlaku. Maka, ketepatan fakta menjadi persoalan yang sentiasa berbangkit sehingga ke hari ini. Namun begitu, tidak dinafikan penggunaan manuskrip lama ini penting dalam pensejarahan tradisional Melayu. Berlainan dengan manuskrip yang berbentuk surat-menyurat, catatannya yang berasaskan kejadian semasa lebih berautoriti dari segi ketepatan fakta.

Surat-menyurat atau warkah dalam tradisi Kesultanan Melayu ialah khazanah manuskrip yang tinggi nilai sejarahnya.¹ Penulisan melalui surat-menyurat merupakan satu kaedah untuk menyampaikan sesuatu perkara atau menjalinkan hubungan antara pihak pengirim dengan pihak penerima. Isi kandungan surat-surat lama yang dilakarkan dengan tulisan tangan yang menyimpan segala unsur keindahan dalam

¹ Mengikut penggunaan istilah di Perpustakaan Negara Malaysia, 'manuskrip' ialah karya-karya yang bertulisan tangan, terutama sekali dalam tulisan Jawi yang dihasilkan selewat-lewatnya pada kurun ke-15 atau dalam lingkungan kurun ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal kurun ke-20. Manuskrip Melayu merupakan suatu warisan ilmu dari zaman silam yang tiada ternilai harganya. Ilmunya merangkumi pelbagai bidang perkara seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan, azimat dan petua. Rujuk Sansiah Muhamad, *Pemeliharaan Manuskrip Melayu: Koleksi Agung Warisan Dunia*, dlm. *Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, turut

budaya, tamadun dan nilai estetika sesuatu bangsa. Setiap nukilan yang terkandung dalam surat-menyurat melambangkan nilai sejarah dan keunikannya yang tersendiri. Dari segi pentadbiran, surat-menyurat telah digunakan untuk pelbagai urusan komunikasi antara pemerintah dengan pemerintah dan juga rakyat bawahan.

Kini, surat-menyurat atau warkah turut dijadikan sebagai sumber kajian dalam pelbagai disiplin ilmu seperti sains politik, ekonomi, sejarah, kesusasteraan dan sebagainya. Sumber sejarah secara khususnya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumber pertama yang disebut sebagai sumber primer, sumber awalan atau sumber utama dan sumber kedua yang dikenali sebagai sumber sekunder.² R. G. Collingwood menjelaskan sumber ialah teks yang mempunyai kenyataan-kenyataan mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Sealiran dengan kenyataan di atas, Rozeman Abu Hassan menjelaskan bahawa sumber sejarah merujuk kepada bahan-bahan sejarah yang amat luas meliputi pelbagai sifat mengenai peristiwa sejarah masa lalu. Kemahiran mengesan dan menggunakan sumber sejarah merupakan perkara yang paling asas diperlukan oleh seseorang ahli sejarah.³ Muhd Yusof Ibrahim berpendapat sumber ialah sesuatu yang menjadi punca lahirnya sesuatu pemikiran atau penulisan dan boleh dirujuk kembali sekiranya diperlukan. Tambah beliau lagi, sumber merupakan kumpulan bahan rujukan bagi kegunaan penyelidik dalam mana-mana bidang

² Sumber kedua atau sumber sekunder, sumber pendua atau sumber bukan sezaman, sering digunakan oleh pengkaji sebagai bahan rujukan untuk difahami dan disesuaikan dengan sumber pertama. Muhd Yusof Ibrahim menganggap sumber kedua sebagai kajian atau penulisan yang telah dihasilkan oleh seseorang mengenai sesuatu peristiwa. Beliau juga berpendapat ianya kajian-kajian atau penulisan yang telah dilaksanakan oleh seseorang atau sesuatu kumpulan tentang sesuatu peristiwa, tokoh-tokoh dan sebagainya. Demikian juga dengan pendapat Louis Gottschalk yang mentakrifkan sumber kedua sebagai sumber yang berbentuk keterangan atau catatan. Rujuk Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), hlm. 156 dan Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*, (New York: Alfred A. Knopf, 1969), hlm. 53.

³ Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber Sejarah*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2004), hlm. 8-9.

keilmuan.⁴ Walau apapun tafsiran mengenai sumber, sama ada sebagai punca, dokumen atau rekod, perkara yang menjadi persetujuan ramai dalam kalangan sejarawan ialah sumber sejarah merupakan satu kepentingan asasi untuk membuktikan kebenaran sejarah. Setiap sumber yang dinyatakan mempunyai sifat dan kepentingannya.

Sumber pertama dihasilkan menerusi peristiwa sezaman dan kebanyakannya diceritakan semula oleh saksi atau orang yang pernah terlibat dalam peristiwa tersebut. Sumber pertama boleh terdiri daripada bahan dalam bentuk kertas seperti surat-menyurat, dokumen, fail rasmi jabatan, catatan selain fosil, artifak dan keterangan lisan. Louis Gottschalk mencatatkan sumber yang diperoleh daripada saksi utama dalam bentuk tulisan, catatan dan juga saksi utama kepada sesuatu peristiwa yang berlaku juga merupakan sumber pertama.⁵ Lazimnya, sumber pertama belum diolah, dicetak atau ditafsir dan bersifat asli.⁶ Sumber sedemikian diperoleh daripada arkib, muzium, mahkamah, perpustakaan, jabatan-jabatan kerajaan, istana, rumah orang perseorangan dan sebagainya.

Sumber pertama ialah sumber yang sangat menarik untuk ditafsir dengan cara yang tersendiri oleh pengkaji sejarah sebagai alat untuk membina pentafsiran dan persoalan yang boleh menyokong sesebuah penulisan. Ramai sarjana telah memperlihatkan kepentingan koleksi surat-menyurat atau warkah sebagai sumber yang penting dalam penulisan dan penerbitan mereka. Antaranya, Annabel Teh

⁴ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), hlm. 155. R. Suntharalingan, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985), hlm. 28.

⁵ Sumber kedua juga dianggap bukanlah saksi utama bagi sesuatu peristiwa iaitu orang yang tidak berada di tempat kejadian sejarah seperti yang diceritakannya. Lihat Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*, hlm. 53.

⁶ Untuk keterangan lanjut, lihat Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber Sejarah*, hlm.18-19.

Gallop, E. Ulrich Kratz⁷ dan Badriyah Haji Salleh.⁸ Terdapat juga para pengkaji yang membuat tinjauan dari aspek bahasa dan sastera terhadap kandungan surat-menyurat. Misalnya, Asmah Haji Omar,⁹ Ab Razak Ab Karim,¹⁰ Noor Suraya Adnan,¹¹ Maizurah Haji Abu,¹² Zahir Ahmad,¹³ Nik Maimun Kundor,¹⁴ Rohaizan Mohd. Ghani,¹⁵ Siti Hawa Haji Salleh¹⁶ dan lain-lain lagi. Koleksi warkah atau surat-menyurat merupakan kumpulan manuskrip yang tinggi nilai sejarahnya, bukan sahaja dari aspek luaran seperti kaedah dan gaya penulisannya tetapi juga meliputi aspek kandungannya iaitu sejarah politik serta perubahan sosial dan ekonomi. Berdasarkan catatan surat, kandungannya dapat memberi maklumat penting berkaitan suasana dan ketamadunan sesuatu bangsa melalui kaca mata-si penulis surat berkenaan.

Setakat ini masih kurang kajian besar yang khusus mengenai persuratan Melayu. Menurut Annabel Teh Gallop, kebanyakan penyelidik cenderung meneliti warkah Melayu yang sama sedangkan masih banyak lagi warkah Melayu yang belum dikaji. Kepentingan nilai sejarah yang terkandung dalam manuskrip berbentuk surat-

⁷ Annabel Teh Gallop & E. Ulrich Kratz, *The Legacy of the Malay Letter/ Warisan Warkah Melayu*, (London/ Kuala Lumpur: The British Library/ Arkib Negara Malaysia, 1994).

⁸ Badriyah Haji Salleh, *Warkah Al-Ikhlas: 1818-1821*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

⁹ Asmah Haji Omar, Dialek Kedah dalam Naskhah Melayu Lama, dlm. *Kesultanan Melayu Kedah* (penyt.) Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 413-459.

¹⁰ Ab. Razak Ab. Karim, *Aspek Penggunaan Bahasa dalam Warkah-Warkah Melayu Lama: Satu Kajian*, Akademik Pengajian Melayu, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002) dan Ab. Razak Ab. Karim, Iluminasi dan Kaligrafi dalam Warkah-Warkah Melayu, dlm. *Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2006), hlm. 174-186.

¹¹ Noor Suraya Adnan, *Perubahan Bahasa dalam Warkah Diraja Melayu: Suatu Kajian Mengenai Surat-surat Kepada Gabenor dalam tahun 1786-1794 dan 1886-1894*, Disertasi M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

¹² Maizurah Haji Abu, "Surat-Surat Melayu Lama Abad Ke-18: Satu Analisis Aspek Linguistik", Latihan Ilmiah, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1993).

¹³ Zahir Ahmad, Peringatan Raja-raja Kedah: Suatu Pengenalan Naskhah, dlm. *Kesultanan Melayu Kedah* (penyt.) Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 206- 231.

¹⁴ Nik Maimun Kundor, *Surat-Surat Francis Light: Satu Analisis Laras Surat Melayu Lama*, Latihan Ilmiah, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1995).

¹⁵ Rohaizan Mohd. Ghani, *Surat-Surat Abad Ke-18: Analisis Morfologi dan Sistem Tulisan*, Latihan Ilmiah, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1994)

¹⁶ Siti Hawa Haji Salleh, *Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).

menyurat mendorong Abdur-Rahman Mohamed Amin menjadikan koleksi ini sebagai sumber rujukan utama dalam membincangkan sejarah Malaysia zaman awal. Antaranya, kajian ke atas warkah Sultan Alauddin Mansur Shah I dari aspek politik dan ekonomi Terengganu pada penghujung abad ke-18 dan warkah Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda dari Perak berkaitan bijih timah.¹⁷ Begitu juga dengan Badriyah Haji Salleh yang menulis tentang corak pemerintahan dan pentadbiran yang dilaksanakan dalam sesebuah kerajaan Melayu melalui koleksi surat-menyurat William Farguhar.¹⁸ Selain itu, terdapat juga beberapa pengkaji lain yang menggunakan koleksi surat-menyurat Raffles (1780-1824) dan surat-menyurat Francis Light dalam memerihalkan pensejarahan Negeri-Negeri Melayu (NNM).¹⁹ Kedah merupakan negeri yang mempunyai koleksi surat-menyurat yang agak lengkap dan menyeluruh merangkumi hal-hal pentadbiran tempatan dan hubungan luar. Selain koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (*SMSAH*), antara koleksi surat-menyurat penting lain dalam rekod kerajaan Negeri Kedah ialah Surat Raja-raja (*SRR*) dan Surat Undang-Undang (*SUU*). Kesemua surat-menyurat tersebut telah menjadi sumber rujukan utama dalam pensejarahan Kedah hingga ke hari ini.

SRR dan *SUU* merupakan koleksi surat-menyurat dalam primer pertama yang dihasilkan ketika pentadbiran Sultan Abdul Hamid berada bawah dua kuasa asing iaitu Siam dan British. Koleksi ini mengandungi segala catatan berkaitan urusan hal ehwal

¹⁷ Abdur-Rahman Mohamed Amin, *Letters from Sultan of Perak*, The International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHSS2014), ESTCON2014, Kuala Lumpur, Jun 3-5, 2014. Kajian lain yang turut menggunakan kumpulan surat-menyurat sebagai sumber pertama kajian ialah kajian Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, (Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988) dan Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman 1881-1936: Tradisi Pensejarahan Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).

¹⁸ Badriyah Haji Salleh, *Warkah Al-Ikhlas: 1818-1821*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

¹⁹ Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824): A Descriptive Account with Notes and Translation*, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2009 dan Russel Jones, *Two Malay Letters Written by Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah of Kedah to Captain Francis Light*, dlm. *Alor Setar 250 Tahun*, Kerajaan Negeri Kedah Darulaman, 1990.

pentadbiran negeri yang dicatatkan dalam bentuk tulisan tangan oleh jurutulis istana. *SRR* dan *SUU* adalah antara koleksi surat-menyurat yang banyak ditemui selain koleksi SMSAH. Kedua-dua kumpulan surat-menyurat berkenaan dijadikan sumber khusus dalam kajian ini dengan memberi penekanan terhadap aspek sosioekonomi orang-orang Melayu Kedah.

Berdasarkan isi kandungan *SRR* dan *SUU*, kajian ini akan membincangkan pensejarahan dari aspek sosioekonomi masyarakat Melayu Kedah sehingga awal kurun ke-20. Setiap catatan yang dilaporkan dalam koleksi surat-menyurat ini membuktikan masih berupaya menjalankan pentadbirannya dengan teratur walaupun dijajah oleh kuasa asing. Surat-menyurat ini merekodkan tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah dalam usaha menguruskan pentadbiran negeri agar berjalan dengan lancar. Hal ehwal rakyat turut dicatatkan melalui surat-surat kiriman antara pemerintah tertinggi dengan pembesar daerah dan pihak luar. Maka, dengan adanya sumber tempatan seperti ini, kajian yang mendalam mengenai masyarakat Melayu bawahan Kedah dapat dilaksanakan berdasarkan sudut pandangan sumber tempatan sendiri.

Kisah tentang kehidupan masyarakat Melayu dari aspek sosial dan ekonomi ditonjolkan menerusi pelbagai perspektif. Pelbagai pandangan dan gambaran telah diberikan berkaitan imej orang Melayu termasuklah gambaran daripada sarjana Barat ataupun pihak kolonial.²⁰ Kesan penjajahan British di Tanah Melayu secara tidak langsung menggalakkan penulisan tentang imej-imej masyarakat peribumi yang dijajah. Menjelang kurun ke-19, catatan pegawai British lebih didorong oleh fahaman orientalisme ini diterjemahkan dengan gambaran imej peribumi yang agak negatif dalam usaha untuk menyerlahkan keunggulan mereka. Ramai pegawai British menonjolkan kerendahan imej orang Melayu berdasarkan nilai-nilai dan ukuran

²⁰ Siti Mahani Majid, *Eurosentrisme dan Pemaparan Imej Orang Melayu Zaman Kolonial British Kurun Ke-19*, Tesis M.A., (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2015), hlm. 135 & 155.

peradaban Eropah dalam laporan-laporan mereka.²¹ Contohnya, Frank Swettenham mencatatkan orang Melayu sebagai bangsa yang setia, ramah, murah hati tetapi cenderung untuk berhutang. Dari sudut keperibadian, orang Melayu digambarkan sebagai;

*“He takes his pleasure, sows his wild oats like youths of a higher civilisation, is extravagant, open-handed, gambles, gets into debt, runs away with his neighbour’s wife, and generally asserts himself”.*²²

Selain Frank Swettenham, terdapat sebilangan pegawai British yang rapat dengan orang Melayu seperti Sir Hugh Clifford. Beliau ialah seorang yang berfikiran romantisme dan menyifatkan masyarakat peribumi sebagai mangsa yang perlu dikasihani.²³ Melalui beberapa laporan penting hasil ekspedisi beliau ke negeri-negeri Melayu di Pantai Timur, orang Melayu Terengganu dan Kelantan dilaporkan sebagai masyarakat yang mementingkan aktiviti perdagangan dan tidak menunjukkan kesetiaan yang melulu terhadap pemerintah yang tidak adil. Orang Melayu juga dicatatkan cenderung untuk berhutang, tidak mempunyai harga diri, suka mencuri, suka bertindak secara melulu, bodoh, tidak bijak dan angkuh.²⁴ Kenyataan tentang imej orang Melayu tersebut merupakan pandangan yang dilaporkan daripada seorang pegawai British yang terlibat dengan polisi dan dasar-dasar imperialisme.

²¹ *Ibid.*, hlm. 130.

²² Frank Swettenham, *Malay Sketches*, (Singapore: Graham Brash (Pre) Ltd., 1984), hlm. 6.

²³ Siti Mahani Majid, Eurosentrisme dan Pemaparan Imej Orang Melayu Zaman Kolonial British Kurun Ke-19, hlm. 161.

²⁴ Frank Swettenham, *Malay Sketches*, hlm. 6, Syed Hussein Alatas, *Mitos Peribumi Malas*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 11-16 dan Hugh Clifford, *Expedition: Trengganu dan Kelantan*, (Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1938), hlm. 114-115.

Sebahagian kajian yang dihasilkan oleh pegawai pentabiran Barat seperti William Marsden, Michael Symes, Thomas Stamford Raffles, John Anderson, John Crawfurd, T.J. Newbold, Andrew Clarke, William Maxwell dan Mc Nair berkaitan kehidupan orang-orang Melayu hanya berdasarkan pemerhatian sahaja.²⁵ Hasil mereka pula berat sebelah dan imej negatif masyarakat tempatan sengaja ditonjolkan secara berlebih-lebihan oleh kuasa penjajah. Bagi masyarakat Melayu hari ini, tanggapan tersebut dianggap kurang adil. Hal ini berlaku kerana kuasa Barat sering menganggap mereka lebih maju dan bertamadun daripada masyarakat yang dijajah. Begitu juga dengan pegawai British yang bertugas di Negeri-negeri Melayu (NNM), bersesuaian dengan tugas mereka sebagai ‘penasihat’, mereka sering melaporkan maklumat yang kurang tepat mengenai orang-orang Melayu.

Penulisan tentang sejarah kehidupan orang Melayu Kedah lebih banyak menjurus kepada sejarah raja-raja Kedah dan golongan pembesar berbanding dengan masyarakat Melayu marhaen.²⁶ Dengan berpandukan kepada *SRR* dan *SUU*, kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran sebenar tentang kehidupan orang-orang Melayu dari aspek sosioekonomi. Oleh itu, pemahaman berkaitan latar belakang masyarakat Melayu tradisional Kedah penting untuk dibincangkan bagi memahami corak kehidupan mereka di samping menilai perkembangan kehidupan mereka selepas kurun ke-19.

²⁵ Siti Mahani Majid, Eurosentrisme dan Pemaparan Imej Orang Melayu Zaman Kolonial British Kurun Ke-19, hlm. 135 & 155.

²⁶ Badriyah Haji Salleh, Sejarah Dari Bawah: Sejarah Rakyat dalam Masyarakat Melayu Tradisional, hlm. 158.

1.2 Latar Belakang Politik dan Pentadbiran Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19

Stratifikasi sosial atau susun lapis masyarakat didefinisikan sebagai pembahagian masyarakat kepada beberapa lapisan kedudukan atau taraf.²⁷ Setiap lapisan berkenaan dibezakan dalam aspek kuasa, kekayaan, gaya hidup, peluang hidup, hak, tanggungjawab dan sebagainya. Dalam stratifikasi sosial masyarakat Melayu tradisional, masyarakatnya terbahagi kepada dua iaitu golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah.²⁸ Kelompok yang memerintah ialah golongan atasan yang terdiri daripada sultan atau raja yang dibantu oleh pembesar negeri atau daerah dan penghulu di peringkat mukim atau kampung. Menerusi kelompok memerintah ini, terdapat satu susunan pangkat yang kompleks iaitu anggota-anggotanya bersifat tidak seragam dari segi kedudukan sosial.²⁹

Kelompok bawahan dalam stratifikasi sosial di Kedah terdiri daripada rakyat biasa termasuk golongan hamba. Bagi kelompok ini, mereka sukar untuk mengubah kedudukan sosial kerana kurang berpeluang untuk melibatkan diri dalam hal ehwal pentadbiran, apatah lagi kedudukan sosial mereka terikat dengan amalan tradisi seperti konsep kesetiaan, tulah dan derhaka. William R. Roff mengemukakan pandangan bahawa perbezaan antara kedua-dua golongan itu didasarkan pada kelahiran dan garis pemisahannya dijelaskan dengan adat dan kepercayaan.³⁰ Hal ini bermaksud kelompok

²⁷ *Kamus Dewan Perdana*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020), hlm. 1227.

²⁸ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), hlm. 55.

²⁹ Yap Beng Liang, *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu*, dlm. Mohd Taib Osman (peny.), *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm. 73-75 & Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), hlm. 55.

³⁰ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), hlm. 3-4. Lihat juga Richard Winstedt, *The Malays: A Cultural History*, (Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd, 1981), hlm. 69.

atasan berpeluang untuk mengubah kedudukan sosial melalui hubungan kekerabatan, perkahwinan, persahabatan, kesetiaan atau keakraban dengan sultan tetapi bagi golongan bawahan, kedudukan sosial mereka sukar untuk berubah.

Stratifikasi sosial di negeri-negeri Melayu beraja meletakkan seorang sultan atau raja sebagai pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri. Begitu juga dengan Kedah yang diperintah oleh seorang sultan di samping barisan pembesar di peringkat negeri dan daerah. Seorang sultan bertanggungjawab dalam hal ehwal dalam dan luar negeri, termasuk aspek pertahanan negeri dan kebajikan rakyat. Berdasarkan pandangan J.M. Gullick, seorang sultan dalam sesebuah negeri merupakan puncak tertinggi dalam kelas memerintah dan menjadi lambang perpaduan dalam kelompok tersebut.³¹

Di Kedah, stratifikasi sosial yang kedua tertinggi selepas sultan ialah kerabat diraja yang bergelar Raja atau Tunku. Raja Muda merupakan gelaran yang kedua penting selepas sultan. Seseorang yang bergelar Raja Muda mempunyai kuasa yang agak luas dalam pentadbiran negeri tetapi tidak semestinya menjadi bakal sultan. Raja Muda mungkin seorang kerabat diraja, menantu atau saudara sultan. Bagi menjamin kelancaran pentadbiran Kedah, sistem politik masyarakat Melayu tradisional Kedah menggariskan bahawa Raja Muda merupakan jawatan yang tertinggi selepas sultan.³² Pada amnya, tugas Raja Muda ialah "*..... to take the drudgery of routine administration of the shoulders of Sultan*".³³ Kedudukan bagi seseorang Raja Muda lebih kukuh dalam pentadbiran negeri dan biasanya disandang oleh anakanda lelaki tertua sultan.³⁴ Langkah ini diharapkan dapat menstabilkan politik kesultanan kerana

³¹ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), hlm. 107.

³² Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 43-44.

³³ Untuk keterangan lanjut, rujuk *CO 716/1 Kedah Annual Report* (The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A.H. 23 rd. January 1909-12 th. January 1910), hlm. 11.

³⁴ Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, hlm. 118-119.

keperluan sebagai jaminan status sosial meskipun bukan jaminan mutlak untuk memainkan peranan sebagai sultan. Dalam politik tradisional Kedah, Raja Muda tidak semestinya putera sultan dan boleh sahaja dilantik daripada kalangan kerabat diraja yang terdekat. Sebagai contoh, Raja Bendahara yang dilantik sebagai Raja Muda, pernah dilantik sebagai Pemangku Sultan dari tahun 1790 hingga 1710. Baginda merupakan adinda kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah iaitu Sultan Kedah ke-18.³⁵ Raja Muda mempunyai kuasa yang agak luas sekiranya sultan gering atau tidak berupaya menjalankan pemerintahan negeri. Raja Muda juga merupakan orang yang paling layak menjadi Pemangku Raja.³⁶

Selain itu, golongan elit tempatan juga mendapat tempat dalam pentadbiran Kedah walaupun ketika Kedah berada bawah naungan Siam. Kelompok ini merupakan golongan bangsawan dan orang kepercayaan sultan yang mempunyai kedudukan tinggi dalam politik dan sosioekonomi Kedah. Kelompok ini memegang jawatan penting dalam pentadbiran negeri Kedah. Hal ini berbeza dengan golongan bawahan yang tidak mempunyai kepentingan kepada raja, maka sukarlah kelompok marhaen ini mengubah hierarki sosial dan kedudukan ekonomi mereka.

Pada zaman tradisional, orang-orang Melayu yang terlibat dengan kerja-kerja kerahan dan perlu membayar hasil kepada sultan sebagai tanda taat setia.³⁷ Mahani Musa menganggap situasi ini sebagai hubungan dua hala iaitu raja sebagai pelindung dan rakyat patuh dengan arahan raja. Rakyat diberi makan minum dan mereka dapat

³⁵ Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, (Kedah: Universiti Utara Malaysia, 1987), hlm. 37.

³⁶ Mohd Isa Othman, *Perkembangan Politik Dalam Perspektif Sejarah Kedah 1990-1999*, hlm. 18, Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Senario Institusi Kesultanan Kedah*, dlm. *Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-Isu Politik & Sosioekonomi*, dlm. Mohamad Sukeri Khalid, Rohana Yusof, Mohamad Mustafa Ishak e.t. (penyt.), (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003), hlm. 6 dan Haslindawati Saari, *Pensejarahan Politik Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911*, hlm. 62.

³⁷ Lazimnya, kerja-kerja kerahan dikelolakan oleh penghulu atau ketua kampung. Lihat Richard Winstedt, *The Malays: A Cultural History*, (Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd, 1981), hlm. 56 dan Wan Hashim Wan Teh, *Sistem Sosial Masyarakat Melayu Pra-Kolonial*, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), hlm. 375-381.

menikmati sedikit kebebasan bawah sistem kerah.³⁸ Di Kedah, golongan pembesar diberi kuasa oleh sultan untuk mengarahkan rakyat jelata melakukan kerja-kerja kerahan. Kerahan dikenakan ke atas rakyat biasa dan dikecualikan daripada golongan bangsawan, pembayar cukai dan rakyat asing. Sistem ini bukan sahaja bertujuan untuk mengerahkan rakyat untuk aktiviti pertanian padi, pertahanan negeri, pembinaan jambatan, benteng, dan parit tetapi turut dikerah untuk bekerja di bendang milik kerabat diraja, golongan pembesar dan penghulu mukim mereka sendiri.³⁹ Bagi rakyat yang dilibatkan dalam aktiviti kerahan, mereka dikecualikan daripada membayar sewa tanah.

Golongan seterusnya ialah penghulu iaitu orang yang bertanggungjawab menjalankan pentadbiran di peringkat mukim atau kampung.⁴⁰ Dalam stratifikasi sosial masyarakat Melayu tradisional, peringkat ini merupakan unit politik yang terkecil sekali. Kebiasaannya jawatan penghulu diwarisi atau dipilih melalui cara askriptif (cadangan).⁴¹ Pada zaman tradisional, penghulu yang dilantik oleh sultan dianggap sebagai ‘orang raja’ yang berkuasa mutlak dalam pentadbiran dan hal ehwal agama, pungutan cukai, mengadili dan menghukum pesalah di peringkat kampung.⁴²

³⁸ Walau bagaimanapun, kerahan ini turut melibatkan hamba dan orang berhutang. Bacaan lanjutan, lihat Mahani Musa, *Sejarah Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah: 1881-1940*, hlm. 37.

³⁹ CO 716/1 Kedah Annual Report (Administration of the State of Kedah September 1905 to August 1906), ms. 12 & J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, ms. 175.

⁴⁰ Pada awal abad ke-19, keluasan sesebuah mukim itu tidak tetap. T. J. Newbold mencatatkan Kedah dibahagikan kepada 128 buah mukim yang mempunyai masjid dan sekurang-kurangnya 44 buah keluarga. Ketua mukim menduduki darjat pertama mendapat gelaran ‘Sang’ manakala darjat kedua membawa gelaran ‘Tan’. Kepimpinan di peringkat mukim diketuai oleh penghulu sehingga dekad pertama abad ke-20 dan pada waktu itu, masih wujud ‘Pemegang Mukim’ yang diletakkan di bawah pembesar daerah. Lihat Sahilah Ahmad, *Sejarah Institusi Penghulu di Kedah dari Tahun 1909-1957*, Latihan Ilmiah, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987), hlm. 19. Lihat juga Mohd Isa Othman, *Perkembangan Politik Dalam Perspektif Sejarah Kedah 1990-1999*, dlm. Mohamad Sukeri Khalid, Rohana Yusof, Mohamad Mustafa Ishak e.t. (penyt.), *Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-Isu Politik & Sosioekonomi*, (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003), hlm. 19.

⁴¹ Askriptif merujuk kepada kaedah pelantikan seorang penghulu yang dibuat atas cadangan daripada pihak tertentu.

⁴² Di Kedah, walaupun institusi penghulu adalah jawatan tradisional yang telah lama wujud tetapi dengan adanya pengaruh corak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dalam pentadbiran negeri Kedah maka jawatan ini semakin kemas dan teratur. Justeru, institusi penghulu dikekalkan walaupun selepas pertapakan kuasa penjajah di bumi Kedah. Walau bagaimanapun, institusi ini tetap mengalami

Mereka bukanlah daripada golongan bangsawan tetapi kelompok ini mempunyai pengaruh dan kekayaan dalam sesebuah mukim atau kampung. Penghulu berperanan sebagai perantara antara golongan atasan dengan rakyat bawahan. Pada masa yang sama, penghulu turut dibantu oleh pegawai-pegawai masjid seperti imam, bilal, khatib dan siak. Menurut Mohammad Isa Othman, hubungan antara penghulu dengan rakyat harus dikekalkan dalam keadaan baik kerana rakyat akan menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap penghulu dengan pelbagai cara.⁴³ Antaranya, berpindah secara beramai-ramai,⁴⁴ mengadu kepada Pembesar Daerah⁴⁵ atau terus kepada sultan ataupun mengingkari perintah.⁴⁶ Sebagaimana pentingnya peranan seorang pemimpin di sesebuah negeri, begitu juga dengan jawatan seorang penghulu yang berkepentingan untuk mengekalkan hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat kampung di samping menguruskan pentadbiran harian di mukimnya.

Seterusnya, golongan yang diperintah ialah rakyat biasa. Sebahagian besar daripada kelompok ini merupakan golongan petani yang bergantung hidup dengan tanah sebagai punca rezeki mereka. Pada masa yang sama, anggota keluarga menjadi tulang belakang sesebuah keluarga yang saling bergantung antara satu sama lain. Dalam konteks ekonomi tradisional rakyat biasa kekal dengan kehidupan tradisi di kampung yang menghasilkan pengeluaran ekonomi berskala kecil. Bagi kelompok ini, mereka sukar untuk mengubah kedudukan sosial kerana kurang berpeluang untuk melibatkan diri dalam jentera pentadbiran, apatah lagi kedudukan sosial yang diikatkan dengan amalan tradisi seperti konsep kesetiaan, tulus dan derhaka.⁴⁷

perubahan sedikit demi sedikit. Lihat Sahilah Ahmad, *Sejarah Institusi Penghulu di Kedah dari Tahun 1909-1957*, hlm. vii.

⁴³ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 6.

⁴⁴ Sharom Ahmat, *Kedah Tradition and Change in Malay State: A Study Economic and Political Development: 1878-1923*, hlm. 84.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 82.

⁴⁶ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 6.

⁴⁷ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm. 3-4.

Lazimnya, kebanyakan orang Melayu daripada kelompok rakyat biasa hidup di kampung, pinggir hutan, tepian sungai dan pesisiran pantai. Masyarakat Melayu tradisional Kedah menjadikan sungai sebagai medium perhubungan dan pengangkutan yang penting untuk mereka berhubung dengan dunia luar. William R. Roff berpandangan bahawa karakter orang Melayu seperti orang sungai yang mempunyai petempatan di desa yang terletak di sepanjang sungai-sungai utama. Situasi ini dianggap sebagai kaedah komunikasi, pengangkutan utama serta fokus semula jadi kawalan politik secara tradisinya.⁴⁸ Pada masa yang sama, sungai juga menjadi sempadan politik bagi memudahkan pentadbir sama ada di peringkat kampung, mukim atau daerah menjalankan urusan pentadbiran mereka. Di Kedah, antara sungai yang berkepentingan ialah Sungai Muda, Sungai Yan, Sungai Dulang dan lain-lain lagi.⁴⁹ Di sinilah terletaknya persempadanan unit-unit politik kecil di negeri Kedah. Situasi ini dapat membantu pemimpin tradisional memperkukuh kawalan ke atas kuasa politik pegawai bawahan dan kawasan politik mereka.

Di Kedah, kategori hamba merujuk kepada orang berhutang. Menurut Yab Beng Liang, orang-orang berhutang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada hamba abdi kerana mereka berpeluang membebaskan diri setelah melunaskan hutang-hutang mereka.⁵⁰ Walaupun orang berhutang di Kedah boleh bergerak bebas tetapi

⁴⁸ William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm. 1.

⁴⁹ Tebing-tebing sungai yang berhampiran muara sungai merupakan aset yang paling berharga kepada penduduk tradisional Kedah. Bahan-bahan binaan mudah diangkut dari hutan berdekatan melalui sungai. Petempatan orang-orang Melayu berhampiran sungai dibina rapat antara satu sama lain supaya setiap rumah mempunyai akses kepada jeti. Lihat Teh Koon Hoo, *Sejarah Sosioekonomi Daerah Yan dari 1909 hingga 1957*, hlm. 75.

⁵⁰ Dalam hierarki institusi perhambaan, orang asing yang bukan beragama Islam boleh dijadikan hamba abdi. Kebiasaannya, hamba abdi terdiri daripada orang asing berbangsa Afrika, orang asli dan orang Batak yang bukan beragama Islam. Bagi hamba berhutang, mereka masih dianggap sebagai anggota masyarakat yang mempunyai hak seperti tuan-tuan mereka. Mereka bebas apabila dapat menyelesaikan segala hutang piutang mereka, tidak seperti hamba abdi. Bagi hamba abdi pula, agama Islam melarang hamba abdi terdiri daripada orang Islam. Kebiasaannya, hamba abdi diperolehi melalui beberapa cara seperti tawanan perang, penjenayah-penjenayah berat, lanun dan individu yang secara suka rela untuk mencari tempat bergantung. Untuk bacaan seterusnya, rujuk Yap Beng Liang, *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu*, hlm. 76-77.

mereka masih terikat dengan pemiutang. Selagi masalah hutang tidak dapat diselesaikan, mereka perlu bekerja dengan pemiutang sehingga selesai kesemua hutang yang ditanggung. Kebanyakan orang berhutang terpaksa menanggung hutang dalam tempoh yang lama kerana hasil pertanian seperti padi tidak menentu. Perkara ini turut direkodkan dalam *SRR* dan *SUU*. Catatan dalam *SUU* menunjukkan terdapat aduan daripada pemiutang yang menuntut hutang atau harta gadaian disebabkan kegagalan penghutang melunaskan hutang-hutang mereka. Selain itu, terdapat sebilangan orang berhutang terikat dengan pihak pemiutang. Mereka terpaksa bekerja di kawasan bendang pemiutang untuk menyelesaikan masalah hutang mereka. Berdasarkan kedudukan dan hak orang-orang Melayu seperti ini, Frank Swettenham menyifatkan golongan ini sebagai, “rakyat tidak mempunyai apa-apa inisiatif, mereka akan melakukan apa-apa yang disuruh oleh ketua mereka, tidak lebih dan tidak kurang”.⁵¹

Soal kesetiaan kepada pemerintah sememangnya penting dalam sistem sosial masyarakat Melayu, bukan sahaja dalam aspek politik tetapi juga dalam bentuk sumbangan ekonomi. Walaupun tanggungjawab seorang sultan adalah untuk melindungi dan menjaga kebajikan rakyat tetapi aktiviti kerah dan serah merupakan tindakan berunsur paksaan dan rampasan. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat tidak dapat memberikan tumpuan terhadap kegiatan ekonomi mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, peluang orang-orang Melayu terutamanya golongan petani untuk bergerak bebas adalah terhad dan secara tidak langsung mereka tidak mempunyai banyak pilihan dalam kegiatan ekonomi negeri berbanding dengan golongan pemerintah yang berpeluang menambah kekayaan.

⁵¹ Petikan ini diperoleh dalam penulisan William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm. 9.

Dari sudut kefahaman sosial dalam pemikiran orang-orang Melayu, mereka sangat menjunjung tinggi kedudukan seorang sultan atau raja. Sejak turun-temurun, bangsa Melayu setia dan patuh kepada arahan seorang sultan dan kerabatnya. Mereka tidak akan derhaka malah berusaha melaksanakan semua arahan termasuklah melakukan kerja-kerja kerahan. Sistem kerah merupakan contoh realiti sosial yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh orang-orang Melayu Kedah. Sistem ini berlanjutan hingga ke zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Baginda sendiri mempertahankan sistem kerah di Kedah kerana beranggapan sistem ini sebahagian daripada hak-hak istimewa institusi diraja.

1.3 Sistem Ekonomi Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19

Kedudukan Tanah Melayu yang strategik adalah antara faktor yang telah menyumbang ke arah kepesatan aktiviti perdagangan. Kedah merupakan antara negeri Melayu yang pernah muncul sebagai pusat perdagangan terpenting di rantau Asia Tenggara dan maju sebagai sebuah pelabuhan entrepot di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ketiga lagi. Pedagang India menamakan Kedah sebagai *Kataha* (Sanskrit) atau *Kadaram*, orang Cina pula memanggil *Chieh-ch'a* dan pedagang Arab menamakannya sebagai *Kallah*.⁵² Seawal kurun kesembilan, Kedah telah mempunyai hubungan dagang dengan dunia Arab. Pada kurun ke-11, kedudukan Kedah sebagai pusat perdagangan menjadi semakin penting dengan bertambahnya kehadiran pedagang Arab di Asia Tenggara. Lembah Bujang, Sungai Mas, Langgar dan Limbong Kapal merupakan kawasan aktiviti perdagangan utama di Kedah yang menjadi pusat pengumpulan barang dagangan seperti kayu manis, kapur barus, cendana, gading,

⁵² Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka (Abad ke-15 hingga ke-18)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 55.

timah, rempah ratus, emas, rotan dan hasil hutan yang lain. Persisiran pantai Kedah turut menjadi kawasan yang strategik kerana mempunyai ramai penduduk dan pusat perdagangan yang dirujuk sebagai tamadun yang tinggi.⁵³

Kegemilangan Kedah sebagai pusat perdagangan di Selat Melaka kian merosot apabila munculnya kerajaan Melayu Melaka. Ramai pedagang Cina, Jawa, Arab mula beralih ke pelabuhan Melaka, lebih-lebih lagi selepas pemerintah Melaka memeluk agama Islam.⁵⁴ Walaupun demikian, pelabuhan Kedah di Lembah Bujang dan Kuala Kedah terus berfungsi sebagai tempat mengendalikan pengeksporan timah dan bahan makanan seperti beras ke Melaka. Pada kurun ke-18, Kedah berkepentingan sebagai pelabuhan persinggahan para pedagang Inggeris.⁵⁵ Walau bagaimanapun, pelabuhan Kedah tidak dapat bertahan lama sebagai pelabuhan utama akibat persaingan dengan pelabuhan metropolitan di Pulau Pinang.⁵⁶

Ketika pentadbiran Kedah berada bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid, walaupun negeri ini memberi tumpuan terhadap pertanian tetapi aktiviti perdagangan masih diteruskan. Kedah dilaporkan mengeksport bijih timah dan binatang ternakan ke luar negara. Padi pula menjadi eksport utama Kedah ke Pulau Pinang, kemudian padi tersebut dieksport semula ke negara-negara lain.⁵⁷ Kesan kepentingan perdagangan beras menjadikan tanah sebagai sumber ekonomi penting di Kedah. Tanaman padi diusahakan di kawasan-kawasan yang subur di sepanjang sungai dan berhampiran muara. Kawasan ini merupakan kawasan penanaman padi paling awal di negeri Kedah. Tanaman padi lebih giat dijalankan pada permulaan kurun ke-18. Hal ini berikutan dengan kemunculan Pulau Pinang yang telah mengambil alih peranan

⁵³ *Ibid.*, hlm. 56-58.

⁵⁴ *Ibid.*, hlm. 59.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*, hlm. 62.

⁵⁷ Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah Perlis: Zaman Penjajahan British*, hlm. 37-38.

sebagai pusat perdagangan utama.⁵⁸ Bukan itu sahaja, akibat fenomena alam dan sistem ekonomi yang semakin kompleks, ekonomi Kedah telah mengalami perubahan iaitu daripada perdagangan kepada corak ekonomi yang berasaskan pertanian.⁵⁹ Ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid, kebanyakan orang Melayu Kedah terlibat dalam aktiviti pertanian padi. Mereka merupakan tenaga simpanan yang tidak putus-putus, terutamanya untuk tujuan kerahan walaupun mereka berada di pinggir sistem politik. Golongan ini juga berperanan sebagai penyumbang utama perbendaharaan negeri, pendapatan peribadi raja dan golongan pembesar.⁶⁰

Merujuk kepada kegiatan ekonomi masyarakat Melayu tradisional, sistem ekonomi orang-orang Melayu dilabelkan dengan konsep sara diri. Ekonomi rakyat disifatkan berbentuk sara diri di peringkat kampung kerana kegiatan ekonomi mereka bergantung pada pertanian padi. Kegiatan ekonomi lain termasuklah menanam sayur, menternak ayam itik, kambing, lembu dan kerbau di samping menjalankan kegiatan sampingan berbentuk industri kecil. Lebihan pengeluaran pertanian amat sedikit dan lebihan tersebut digunakan sebagai pertukaran untuk mendapatkan barangan keperluan harian. Kurun ke-19 memperlihatkan keadaan ekonomi masyarakat Melayu

⁵⁸ Walaupun Kedah menumpukan perhatian kepada pertanian tetapi aktiviti perdagangan masih lagi berjalan walaupun tidak serancak sebelumnya. Contohnya, pada tahun 1750, dilaporkan Sultan Kedah telah mengirim beberapa buah kapalnya menjalankan perniagaan di India dan Sumatera. Rujuk Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah Perlis: Zaman Penjajahan British*, hlm. 38.

⁵⁹ Ramai sejarawan menganggap Kedah sebagai negeri yang tertua sekali di Semenanjung Tanah Melayu. Kedudukan Kedah yang terletak di pintu masuk Selat Melaka serta berpandukan kepada Gunung Jerai menjadikan Kedah berada pada kedudukan strategik untuk aktiviti perdagangan melalui jalan laut. Rujuk Uqbah Iqbal et.al, *Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial*, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, Vol. 3, No. 2, 2015, hlm. 103. Lihat juga Afifuddin Haji Omar, "Penanaman Padi di Kedah: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah", *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, Alor Setar: Wisma Negeri, 28 November-1 Disember. 1981, hlm. 1 atau Afifuddin Hj. Omar, *Penanaman Padi di Kedah: Sejarah Peranan Dalam Ekonomi Negeri Kedah*, hlm. 1.

⁶⁰ Teh Koon Hoo, *Sejarah Sosieekonomi Daerah Yan dari 1909 hingga 1957*, hlm. 95. Rujuk juga Afifuddin Haji Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hlm. 27.

masih lagi tertutup, bersifat tradisional dan hasil pengeluarannya berskala kecil.⁶¹ Pandangan mengenainya turut dikongsi oleh ramai sarjana lain seperti Sharom Ahmat dan Lim Teck Ghee.⁶² Mereka berpendapat dan menyatakan bahawa majoriti orang Melayu bertani hanya untuk menyara kehidupan seharian dan jarang ada lebih hasil pertanian untuk dijual. Pertukaran barang akan berlaku apabila terdapat interaksi dengan dunia luar.⁶³ Sementara itu, J.M. Gullick menyatakan wujud kedinamikan dalam ekonomi orang Melayu untuk menyara hidup mereka. Beliau berpendapat orang Melayu boleh mengeluarkan hasil pengeluaran untuk kegunaan diri sendiri dan mereka juga dapat menjual hasil mereka untuk mendapatkan keperluan yang dikehendaki. Mohd Isa Othman juga berpandangan bahawa orang Melayu terlibat dengan ekonomi komersial.⁶⁴ Hal ini terbukti apabila petani Melayu Kedah terlibat secara langsung dalam pertanian padi dan hasil keluaran lain untuk pasaran tempatan dan pasaran luaran. Walau bagaimanapun, kajian ini tidaklah bercadang memperincikan perkara tersebut tetapi hanya berhasrat untuk memberi tumpuan terhadap penglibatan orang-orang Melayu dalam ekonomi Kedah terutamanya daripada masyarakat Melayu petani Kedah. Kelompok ini sukar melibatkan diri dalam jaringan perdagangan mahupun perniagaan komersial. Sebaliknya, mereka dijadikan alat habuan ekonomi dan ketaatan kepada pihak istana dan golongan bangsawan.

Golongan petani ini sering dikaitkan dengan masalah hutang. Jomo Kwame Sundaram mencatatkan golongan pemerintah Melayu telah menyediakan keadaan sosioekonomi yang membolehkan, menggalakkan dan mengekalkan ‘orang

⁶¹ Sharom Ahmat, *Kedah Tradition and Change in Malay State: A Study Economic and Political Development: 1878-1923*, hlm. 33 & Lim Teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya: 1874-1941*.

⁶² *Ibid.*, hlm. 22.

⁶³ A. Azmi Khalid, *Ekonomi Melayu Kurun Ke-19: Sara Diri Atau Komersil?*, dlm. Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (peny.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), hlm. 224.

⁶⁴ Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman: Penjajahan British*, hlm. 37.

berhutang' dengan merampas pengeluaran lebih. Hal ini menyebabkan kelompok berhutang tidak dapat mengumpul banyak tabungan.⁶⁵ Masalah hutang yang dihadapi oleh masyarakat petani telah menghadkan peningkatan produktiviti dan pembaharuan teknologi dalam kehidupan mereka. Tambahan pula, sultan, golongan pembesar atau tuan tanah boleh mengambil lebih pengeluaran hasil yang diperoleh oleh golongan petani, sekiranya mereka berkeinginan.⁶⁶ Situasi sedemikian dan ditambah pula dengan ketiadaan tabungan wang yang menyebabkan golongan petani sering berhutang dengan pihak atasan kerana kelompok ini sahaja yang dapat meminjamkan wang kepada mereka.

Dalam kehidupan masyarakat tradisional juga, terdapat unsur-unsur penindasan ke atas golongan bawahan. Dalam hal ini, Sharom Ahmat berpandangan bahawa berlakunya penindasan terhadap masyarakat petani oleh golongan atasan. Beliau menggambarkan bahawa wujud kebimbangan dalam kalangan petani yang merasakan bahawa mereka terpaksa membayar jumlah yang lebih besar kepada golongan pembesar jika berlaku lebih pengeluaran tanaman.⁶⁷ Ketika Kedah berada bawah sistem pentadbiran dan perundangan yang lebih maju dan sistematik, sudah tentu pungutan hasil menjadi lebih telus, teratur dan dilaksanakan mengikut lunas undang-undang yang telah ditetapkan. Namun, perubahan tersebut turut merubah pola eksploitasi ke atas golongan bawahan. Mereka terjerat pula dengan masalah hutang yang berpanjangan sehingga ada yang kehilangan tanah disebabkan kegagalan melunaskan hutang-piutang mereka.

⁶⁵ Jomo Kwame Sundaram, *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*, (terj.) Shamsulbahriah Ku Ahmad, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm. 8-9.

⁶⁶ *Ibid.*, hlm. 15.

⁶⁷ Sharom Ahmat, The Structure of the Economy of Kedah 1879-1905, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 43, No. 2, 1970, hlm. 2.

Corak sosioekonomi yang kurang berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah kerana mereka kurang terlibat dengan aktiviti menjual hasil tanaman mereka. Mereka hanya memberi tumpuan pada proses pengeluaran sahaja iaitu bercucuk tanam, menternak binatang dan menangkap ikan, kemudian menjual hasil pertanian untuk membeli barangan harian. Kekuatan ekonomi orang Melayu Kedah banyak bergantung pada aktiviti pertanian. Majoriti masyarakat ini ialah petani yang tinggal di kampung-kampung berhampiran sungai atau muara sungai.

Petani Melayu dalam kalangan rakyat biasa tidak terlibat secara meluas dengan kegiatan pemasaran padi dan beras. Pertanian padi dan tanaman lain yang diusahakan lebih tertumpu pada aspek pengeluaran. Lebihan hasil pertanian dijual untuk membeli barangan keperluan yang tidak dikeluarkan sendiri. Sharom Ahmat berpendapat masyarakat petani Melayu zaman tradisional tidak ada inisiatif untuk menambah pengeluaran kerana kekurangan tenaga kerja dan kerbau untuk membajak.⁶⁸ Tambahan pula, kerja-kerja kerahan yang tidak menentu masanya menjejaskan pengeluaran yang teratur. Kerja kerahan ini tidak menjanjikan nilai bahkan banyak mengganggu kegiatan pertanian golongan petani yang sudah tentu tidak dapat menghabiskan kerja-kerja penanaman padi. Kesannya, ramai golongan petani terjebak dalam belenggu hutang.⁶⁹ Dengan keadaan yang tidak menggalakkan masyarakat petani menghasilkan lebihan pengeluaran untuk tabungan dan pengumpulan modal, maka aktiviti dan pasaran ekonomi banyak dimonopoli oleh sultan, kaum kerabat diraja serta golongan bangsawan. Sehubungan dengan itu, kebanyakan orang Melayu tidak berdaya saing bukan kerana tiada keinginan tetapi akibat sistem sosial yang membelenggu kehidupan mereka.

⁶⁸ *Ibid.*, hlm. 50 dan Sharom Ahmat, *The Political Structure of the State of Kedah 1879-1905*, hlm. 1-30.

⁶⁹ Untuk bacaan lanjut mengenai isu yang dibincangkan, lihat penulisan Jomo Kwame Sundaram, *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*, hlm. 13-15 & 29.

Sebelum kurun ke-19 lagi, orang-orang Melayu yang hidup di kawasan pedalaman telah dibebani dengan pelbagai kesulitan hidup.⁷⁰ Pemerintah mengikat mereka dengan peraturan sosial yang memerlukan rakyat patuh dan setia kepada pemerintah. Golongan atasan mengeksploitasi kudrat orang-orang Melayu melalui sistem kerah dan menguasai hasil ekonomi melalui cukai. Situasi ini menjadi penyumbang terhadap kemiskinan hidup dalam kalangan orang Melayu Kedah.

1.4 Sosiobudaya Masyarakat Melayu Kedah pada Awal Kurun ke-19

Perkembangan unsur-unsur budaya berkait rapat dengan perubahan masyarakat dalam sistem politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan alam sekeliling. Budaya Melayu tidak lahir dalam bentuk serupa tetapi berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.⁷¹ Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusof, kebergantungan orang Melayu di sesuatu petempatan adalah dengan berasaskan sumber pertanian dan ekonomi sara diri. Di samping itu, dalam aspek pembentukan komuniti, kegiatan sosial mereka terbentuk melalui hubungan kekeluargaan. Malah, peradaban kesenian yang terhasil dalam komuniti merupakan suatu elemen yang bersifat budaya popular.⁷² Beliau turut menjelaskan bahawa budaya sesuatu masyarakat berkait rapat dengan pemikiran, falsafah hidup, perasaan, emosi, sikap dan nilai yang menjadi cerminan masyarakat itu sendiri.⁷³

⁷⁰ *Ibid.*, hlm. 3-34.

⁷¹ Wan Abdul Kadir Wan Yusof, *Pertumbuhan Budaya Populer Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua*, dlm. Mohd Taib Osman & Wan Kadir Yusoff (peny.), *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), hlm. 57.

⁷² *Ibid.*

⁷³ “Budaya popular” yang dibawa oleh Wan Abdul Kadir Wan Yusof berkait rapat dengan kehidupan atau keseluruhan cara hidup harian anggota masyarakat setiap hari. Pendedahan kepada media massa mendorong kepada penjelmaan budaya yang pelbagai, kemudiannya mempengaruhi anggota masyarakat tersebut. Lazimnya, “budaya popular” terhad kepada daerah komuniti kecil yang berasaskan kepada alam sekeliling dan pengalaman anggota komuniti itu sendiri. Perkembangan unsur-unsur

Dalam kehidupan sosial orang-orang Melayu, khususnya di negeri Kedah, pendidikan tidak formal seperti nilai-nilai budaya masyarakat Melayu tradisional kebiasannya diajar di peringkat keluarga secara turun temurun. Anak-anak Melayu didedahkan dengan adab, adat dan pantang larang secara lisan daripada ibu bapa atau orang-orang tua. Masyarakat Melayu, tidak khusus kepada orang Kedah sahaja menerapkan nilai-nilai murni melalui pendidikan tidak formal dalam pelbagai medium umpamanya melalui pantun, syair, peribahasa, teka-teki dan penceritaan.⁷⁴ Kandungannya mengandungi unsur-unsur pengajaran dan pendidikan yang secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada generasi muda. Anak-anak Melayu turut memperoleh ilmu dan kemahiran daripada ibu bapa mereka. Sekiranya bapa bekerja sebagai nelayan, mereka akan mempelajari selok-belok pelayaran atau cara-cara menangkap ikan. Begitu juga bagi anak seorang petani, secara tidak langsung mereka akan memperoleh ilmu bercucuk tanam dan pelbagai kemahiran berkaitan pertanian daripada ibu bapa mereka.

Selain ilmu berbentuk kemahiran, masyarakat Melayu Kedah juga memberi pendedahan aspek pendidikan agama kepada anak-anak mereka. Kebiasaannya kanak-kanak dididik dan diberi pendidikan asas agama oleh ibu bapa atau guru al-Quran untuk mengenali huruf dan mengeja ayat-ayat al-Quran melalui Muqaddam. Kanak-kanak mula belajar al-Quran ketika mencapai usia tujuh sehingga 10 tahun dan mereka diajar oleh guru al-Quran di rumah, masjid atau surau.⁷⁵ Menerusi perkembangan ilmu agama dan sistem birokrasi, sistem pendidikan agama Islam mengalami perubahan daripada bentuk yang mudah kepada bentuk yang lebih tersusun dan bersistematik.

budaya itu berkait rapat dengan sistem kepercayaan, *mythology*, struktur *kinship* dan *cyclic activities* pertanian. *Ibid.*, hlm. 57. Lihat juga Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Unsur Mainan dan Hiburan Orang Melayu, *BS 38*, Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis, hlm. 13.

⁷⁴ *Ibid.*, hlm. 12-15.

⁷⁵ Awang Had Salleh, "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah", hlm. 12.

Selain pendidikan agama di peringkat asas, perkembangan pendidikan agama di peringkat tinggi di Kedah adalah antara yang lebih awal berkembang berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain menerusi penubuhan sekolah pondok. Kedah merupakan antara negeri yang banyak mengamalkan sistem pendidikan pondok selain negeri Kelantan dan Terengganu.⁷⁶ Pendidikan sekolah pondok di Kedah juga mendapat sokongan daripada penduduk setempat. Menurut Teh Koon Hoo, institusi pondok telah wujud di Alam Melayu sejak kurun ke-18 lagi dan sekolah pondok bermula di Kedah pada kurun ke-19.⁷⁷ Kawasan utara negeri Kedah seperti daerah Kota Setar, Kubang Pasu dan Yan menjadi tumpuan awal pembukaan sekolah pondok. Antara sekolah pondok tersebut ialah Pondok Haji Muhammad Thaib bin Mus'ud al-Khalidi an-Naqsyaban di Pokok Sena, Titi Gajah, Pondok Haji Muhammad Salleh bin Haji Hashim di Pulau Pisang dan Pondok Tuan Syeikh Waksa di Kota Kuala Muda. Sekolah-sekolah pondok berkenaan sudah wujud sekitar pertengahan abad ke-19 lagi. Antara tahun 1850-an hingga tahun 1890-an, terdapat lebih kurang 10 buah sekolah pondok di seluruh negeri Kedah.⁷⁸ Sejalan dengan dengan perkembangan tersebut, anak-anak Melayu Kedah berpeluang mengikuti pengajian di sekolah pondok sebelum melanjutkan pengajian di negara luar seperti Mekah, Mesir dan sebagainya. Meskipun pendidikan pondok memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan tradisional di Kedah, namun tidak semua anak-anak Melayu berpeluang mengikuti pengajian di institusi berkenaan. Kesusahan dan kemiskinan hidup memerlukan pergorbanan

⁷⁶ Banyak sekolah pondok yang dibuka di Kedah. Sekolah pondok mempunyai pengaruh yang kuat dan sejarah yang lama di Kedah. Pengajian pondok telah bermula sejak lima atau enam kurun yang lalu. Pulau Pisang di daerah Kubang Pasu merupakan tempat terawal penubuhan sekolah pondok di Kedah. Lihat Bariyah Basiran, *Peranan Golongan Ulama di Kedah 1842-1960 dengan Tumpuan dalam Bidang Pemerintahan dan Kemasyarakatan*, hlm. 64 & 65. Rujuk juga Ahmad Jelani Halimi, *Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangannya Hingga 1957*, Tesis M.A., (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1989), hlm. 131.

⁷⁷ Teh Koon Hoo, *Sejarah Sosiekonomi Daerah Yan dari 1909 hingga 1957*, hlm. 174.

⁷⁸ Bariyah Basiran, *Ulama dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Tahun 1909 hingga 1957*, hlm. 68.